

D195

B B951 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA RRR

SARIKEI, 14 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT NEGARA INI TIDAK SEHARUSNYA MEMIKIRKAN MASALAH BANGSA MASING-MASING SAHAJA KERANA INI BOLEH MENIMBULKAN KETEGANGAN DALAM PERHUBUNGAN ANTARA KAUM.

PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH-MASALAH KAUM PERLU DIBAWA KE MEJA PERBINCANGAN DAN INI DAPAT DICAPAI MELALUI KONSEP BARISAN NASIONAL YANG MEMBERI PERTIMBANGAN SEWAJARNYA KEPADA KEPENTINGAN SEMUA MASYARAKAT.

+DI BAWAH KONSEP BN, SEMUA KAUM MEMPUNYAI PERWAKILAN, BUKAN SAHAJA PADA PERINGKAT NEGERI TETAPI JUGA PERINGKAT KERAJAAN PUSAT,+ KATANYA SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERLETAKAN BATU ASAS DEWAN MASYARAKAT SARIKEI HARI INI.

YANG HADIR SAMA PADA UPACARA ITU IALAH PRESIDEN MCA, DATUK DR.LING LIONG SIK, PRESIDEN MIC DATUK S. SAMY VELLU DAN PRESIDEN GERAKAN DATUK DR. LIM KENG YAIK SERTA KETUA MENTERI DAN PRESIDEN PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB) DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD. KESEMUA PARTI ITU ADALAH ANGGOTA BN.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA JIKA SESUATU KAUM BERTINDAK MENGIKUT NAFSU SENDIRI, BELIAU KHUATIR, AKIBATNYA SATU KETEGANGAN KAUM AKAN WUJUD.

-- LAGI.

1554MST 14 04 87

D196

B B952 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 2 SARIKEI RRR

+JIKA INI BERLAKU, TIDAK SIAPA PUN YANG AKAN MENDAPAT MANFAAT,+ KATANYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL BERKATA TUGAS BN IALAH MERAPATKAN HUBUNGAN DI SAMPING MENYATUPADUKAN KAUM-KAUM DI NEGARA INI.

DENGAN ADANYA BN SEMUA KAUM DAPAT BERTEMU SERTA BERBINCANG UNTUK SAMA-SAMA Mencari JALAN Mengatasi MASALAH.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA KONSEP BN TELAH MEMBUKTIKAN KEJAYAANNYA Sambil Menangkis Tuduhan Sesetengah Pihak Kononnya RAKYAT NEGARA INI TIDAK DAPAT HIDUP SECARA AMAN.

KATANYA, MEREKA INI BERPENDAPAT KONONNYA SELEPAS MERDEKA, AKAN ADA SATU KAUM, UMPAMANYA ORANG MELAYU, AKAN MEMBOLOT SEMUA KUASA DAN TIDAK MEMBERI TEMPAT KEPADA BANGSA LAIN DAN INI AKAN MENIMBULKAN RUSUHAN. -- LAGI.

1556MST 14 04 87

D201

B B955 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 3 SARIKEI RRR

+JAUH DARIPADA RUSUHAN, KITA TELAH BERJAYA MENGADAKAN HUBUNGAN YANG ERAT ANTARA KAUM-KAUM MENERUSI BN,+ KATA BELIAU.

OLEH ITU, BELIAU MENGAJAK RAKYAT SUPAYA TERUS MENGEKALKAN KONSEP BN SERTA MEMILIH KERAJAAN YANG BOLEH MENJAMIN KESTABILAN DAN PEMBANGUNAN YANG BERTERUSAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA MUSTAHIL BAGI KERAJAAN MEMENUHI SEMUA TUNTUTAN ATAU PERMINTAAN DARIPADA RAKYAT WALAUPUN ADA PIHAK YANG BERJANJI BOLEH MEMBERIKAN SEGALA-GALA YANG RAKYAT MAHU.

+ADALAH SALAH BAGI MEREKA UNTUK MENJANJI DEMIKIAN,+ KATANYA, Sambil MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBERI PERHATIAN DAN MEMPERTIMBANG SEGALA PERMINTAAN RAKYAT.

BELIAU JUGA MENYERU RAKYAT SARAWAK YANG AKAN MENGUNDI ESOK DAN LUSA SUPAYA MENGEKALKAN KERAJAAN BN KERANA IA MENGUTAMAKAN KHIDMAT UNTUK SEMUA RAKYAT. -- LAGI.

1607MST 14 04 87

0207

B B961 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 4 SARIKEI

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, BERKATA BN SENTIASA MEMANDANG BERAT BUKAN SAHAJA KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI TETAPI JUGA KEPADA PEMBANGUNAN AKHLAK DAN ROHANI PENDUDUK MELALUI PERGAULAN SOSIAL DAN BUDAYA.

+SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG MEMPUNYAI 23 SUKU KAUM DAN PELBAGAI BENTUK BUDAYA, MAKA MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA UNTUK MENGEKALKANNYA SEMATA-MATA UNTUK AMALAN GENERASI AKAN DATANG,+ KATANYA.

DATUK PATINGGI TAIB BERKATA BAHAWA PEMBINAAN DEWAN MASYARAKAT DI MERATA TEMPAT DI NEGERI INI MERUPAKAN PROJEK YANG BERTASRAT UNTUK MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SOSIAL DAN KEBUDAYAAN KEPADA RAKYAT.

DEWAN MASYARAKAT SARIKEI YANG DICADANGKAN TERLETAK DI SEBUAH TAPAK YANG STRATEGIK BERDEKATAN DENGAN PUSAT KOMERSIL DAN PERUMAHAN SERTA KAWASAN CADANGAN PEMBESARAN BANDAR SARIKEI.

REKA BENTUKNYA MENCERMINKAN PELBAGAI KEBUDAYAAN DAN BANGSA DI NEGERI INI DAN MEMUATKAN SEBUAH DEWAN PELBAGAIGUNA DENGAN RUANG TEMPAT DUDUK BAGI 750 ORANG DAN SEBUAH PENTAS.

KERJA PEMBINAAN DIMULAKAN SEJAK MAC LEPAS DAN DIJANGKA SIAP DALAM BULAN JUN TAHUN DEPAN SEMPENA PERAYAAN JUBLI PERAK KEMERDEKAAN SARAWAK DALAM MALAYSIA. -- BERNAMA.

1616MST 14 04 87